

TERMA DAN SYARAT

1. Perkhidmatan yang disediakan termasuklah pengeluaran Cek Jurubank ("BC"), pemindahan dana melalui Pindahan Bertelegraf ("TT"), SuperSend (untuk kegunaan HLB sahaja) Giro Antara Bank ("IBG") atau pemindahan dana menggunakan mod elektronik lain sebagaimana yang ditetapkan mengikut pertimbangan muktamad Hong Leong Bank [193401000023 (97141-X)] (HLB)/Hong Leong Islamic Bank [200501009144 (686191-W)] (HLISB). HLB/HLISB bebas berurusan dengan mana-mana agen, sub agen atau penghubungnya dalam mengeluarkan atau melaksanakan Perkhidmatan berkaitan.
2. HLB/HLISB boleh menghantar mesej berkaitan TT, SuperSend (untuk kegunaan HLB sahaja) atau mod elektronik lain bagi pemindahan dana sama ada melalui kawat, telefon, faksimili atau secara elektronik sebagaimana yang ditetapkan oleh HLB/HLISB, sama ada dengan penggunaan bahasa yang eksplisit, kod ataupun tulisan rahsia mengikut kesesuaian. Pemohon hanya boleh mengirim sehingga RM50,000 melalui SuperSend (untuk kegunaan HLB sahaja).
3. Borang Permohonan Kiriman Wang yang telah dihantar kepada HLB/HLISB tidak boleh ditarik balik dan dimansuhkan kecuali dengan izin HLB/HLISB. Borang Permohonan Kiriman Wang bagi sebarang Perkhidmatan HLB/HLISB yang diterima selepas waktu perbankan akan ditangguhkan sehingga hari berkerja yang seterusnya. Perkhidmatan juga akan ditangguh apabila waktu perbankan ditutup di Wilayah Persekutuan. Pemindahan dana melalui TT dan SuperSend (untuk kegunaan HLB sahaja) akan mengambil masa antara satu (1) hingga lima (5) hari bekerja, bergantung pada alamat penerima.
4. Pembayaran dana yang dipindahkan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan negara di mana pembayaran dilakukan. BC yang perlu dibeli semula oleh HLB/HLISB atas permintaan Pemohon hendaklah diserahkan kepada HLB/HLISB, disahkan oleh Pemohon dan pembayaran hanya boleh dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja.
5. Pembayaran balik bagi sebarang kiriman wang hanya akan dilakukan setelah HLB/HLISB menerima pengesahan bertulis mengenai status pembatalan kiriman tersebut daripada pihak penghubung atau agen serta surat pengesahan penerimaan ganti rugi oleh Pemohon. Sekiranya BC tersebut hilang, dicuri atau musnah, Pemohon hendaklah mengemukakan surat akuan daripada penerima yang mengesahkan bahawa BC tersebut tidak diterima. Pembayaran balik hanya akan dibuat dalam RM setelah ditolak kos, faedah, caj dan pembiayaan. Kiriman dalam mata wang asing akan ditukarkan ke RM pada kadar belian HLB/HLISB bagi mata wang tersebut semasa pembayaran semula.
6. Sekiranya pembayaran balik perlu dilaksanakan, HLB/HLISB akan menghubungi Pemohon berdasarkan nombor telefon yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kiriman Wang dan bayaran balik akan dilakukan dengan cara berikut:
 - (a) Jika Pemohon mempunyai akaun di HLB/HLISB, dana pembayaran balik akan dikreditkan ke akaun yang sama yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Kiriman Wang;
 - (b) Untuk Pemohon yang tidak mempunyai akaun di HLB/HLISB, pembayaran balik akan dilaksanakan mengikut cara pembayaran semasa permohonan dibuat tertakluk kepada yang berikut:
 - (i) Untuk Pemohon persendirian yang juga pemegang MyKad, pembayaran balik boleh dibuat di mana-mana cawangan HLB/HLISB tertakluk kepada pengesahan biometric yang berjaya; atau
 - (ii) Untuk Pemohon persendirian yang bukan pemegang MyKad dan juga Pemohon bukan persendirian, pembayaran balik hanya boleh dibuat di cawangan dimana transaksi dijalankan.
 - (c) Bagi pembayaran balik melalui BC, BC tersebut akan disimpan di cawangan di mana transaksi dijalankan selama tiga (3) hari bekerja. Sekiranya Pemohon tidak dapat dihubungi dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh pembatalan kiriman wang, BC tersebut akan dihantar ke alamat surat menyurat yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Kiriman Wang
7. Semua kos dan perbelanjaan berkaitan dengan pindaan, penarikan balik, pembatalan dan/atau pembayaran balik akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemohon.
8. Semua permohonan kiriman wang yang dikemukakan kepada HLB/HLISB hendaklah tertakluk kepada persetujuan HLB/HLISB.
9. HLB/HLISB berhak mengenakan caj perkhidmatan atau caj lain bagi Perkhidmatan yang digunakan oleh Pemohon. Pemohon boleh membuat rujukan di laman web HLB/HLISB,

www.hlb.com.my/ www.hlisb.com.my untuk yuran dan caj Perkhidmatan. HLB/HLISB mempunyai hak mutlak untuk mengubah caj perkhidmatan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kepada Pemohon melalui notis di ruang perbankan atau media atau penyata akaun atau di laman web HLB/HLISB.

10. Pemohon perlu memastikan semua maklumat yang diberikan adalah tepat dan betul. Bagi IBG, akan dikredit ke akaun penerima berdasarkan NOMBOR AKAUN yang dinyatakan di Borang Permohonan Kiriman Wang dan bukan berdasarkan maklumat yang lain. Bagi kiriman wang, permohonan hendaklah menyediakan maklumat kepada HLB/HLISB dengan segera atau dokumen sokongan yang berhubungan dengan tujuan pengirisan wang di atas permintaan. Sekiranya Pemohon gagal menyediakan atau memberrikan maklumat yang tidak benar atau dokumen sokongan yang salah, HLB berhak menolak Borang Permohonan Kiriman Wang yang dikemukakan.
11. HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab terhadap Pemohon atau pihak ketiga atas kerosakan, kerugian, keuntungan atau pendapatan, nama baik atau sebarang jenis keistimewaan, kerugian atau kerosakan langsung yang timbul akibat daripada pengabaian, kecuaiian, kemungkiran kontrak atau HLB/HLISB telah dinasihati mana-mana perkara-perkara yang berikut:
 - (a) bagi sebarang keterangan yang salah atau kesilapan (termasuk nama, nombor akaun atau jumlah kiriman) maklumat yang dinyatakan kepada HLB/HLISB; jika berlaku kelewatan penghantaran mesej, gagal atau tergendala atas sebab-sebab yang di luar kawalan HLB/HLISB, termasuklah tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, tanah runtuh, banjir; dan
 - (b) wabak penyakit, bencana semula jadi, rusuhan, kekacauan awam, pertikaian industri, ancaman musuh, embargo, perang, bencana alam atau gangguan telekomunikasi, elektrik, air, bekalan tenaga atau apa-apa jua faktor yang di luar kawalan HLB/HLISB, tetapi jikalau HLB/HLISB didapati bertanggungjawab, liabiliti tunggal dan keseluruhan HLB/HLISB bagi sebarang tuntutan atau tindakan adalah tidak melebihi jumlah wang semasa permohonan transaksi tersebut.
12. Pemohon berjanji untuk menanggung sepenuhnya ganti rugi HLB/HLISB dan terhadap semua tuntutan, prosiding tindakan, kerugian dan pembelanjaan (termasuklah kos guaman di antara peguamcara dan Pemohon) dan liabiliti-liabiliti lain dalam apa-apa jua cara atau bentuk yang mungkin berlaku atau ditanggung oleh HLB/HLISB berikutan peruntukkan Perkhidmatan dan penerimaan mana-mana permohonan yang dikemukakan oleh Pemohon atau pelanggaran mana-mana peruntukkan dalam Terma dan Syarat ini. Liabiliti Pelanggan adalah liabiliti yang berterusan dan akan terus berkuatkuasa sehingga liabiliti, jika ada terhadap HLB/HLISB dilunaskan sepenuhnya.
13. Merujuk kepada penzahiran yang dibenarkan dalam Jadual 11 (Seksyen 134) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 / Jadual 11 (Seksyen 146) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Pemohon membenarkan secara mutlak HLB/HLISB, pegawai dan pekerja mereka untuk menzahirkan dan memberikan segala maklumat mengenai pengirisan wang ini, sekarang dan di masa hadapan dan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Pemohon atau perniagaan dan operasinya kepada:
 - (a) institusi kewangan lain yang memberikan atau yang bercadang untuk memberikan apa-apa kemudahan kredit/pembiayaan kepada Pemohon, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa lain yang berkaitan yang diberikan kuasa oleh undang-undang untuk mendapatkan maklumat tersebut atau pihak berkuasa / agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Malaysia/Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia;
 - (b) mana-mana syarikat semasa atau yang akan datang yang boleh dikaitkan dengan atau berkaitan dengan HLB/HLISB (seperti yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 2016), termasuk wakil dan pejabat cawangan dan wakil-wakil mereka masing-masing dan juga anak-anak syarikat induk HLB/HLISB;
 - (c) pihak-pihak pemberi cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan jaminan berkenaan dengan Perkhidmatan pengirisan wang;
 - (d) juruaudit HLB/HLISB, peguam dan / atau ejen lain yang berkaitan dengan tuntutan hutang yang perlu dilunaskan; dan
 - (e) penasihat profesional HLB/HLISB, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan

kepada atau oleh HLB /HLISB dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutu dengannya.

14. Pemohon hendaklah serta-merta memaklumkan kepada cawangan di mana transaksi kiriman wang dilakukan jikalau terdapat sebarang percanggahan pada transaksi tersebut, dan aduan bolehlah dikemukakan kepada pegawai operasi cawangan. HLB/HLISB akan menjalankan siasatan dan memaklumkan hasil siasatan kepada Pemohon serta akan mengambil langkah pembedahan, jikalau berkaitan.
15. HLB/HLISB berhak untuk meminda, menambah, memansuh atau mengubah mana-mana atau semua Terma dan Syarat ini dan/atau mengubah atau memansuhkan semua atau mana-mana bahagian atau skop Perkhidmatan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa apabila difikirkan perlu dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kepada Pemohon. Pemohon dengan ini bersetuju untuk melayari laman web HLB/HLISB dan peka atas perubahan atau pindaan pada Terma dan Syarat.
16. Pemohon haruslah peka tentang sekatan yang dikenakan oleh negara/organisasi di mana Pemohon ingin mengirim atau menerima dana. HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab sekiranya dana/dokumen/transaksi mengalami kelewatan/sekatan/tahanan.
17. Semua pembayaran cek kepada HLB/HLISB hendaklah dinamakan atas HLBB/HLISB bagi permohonan <BC/IBG/TT>". Sekiranya Pemohon gagal untuk berbuat demikian, pihak HLB/HLISB tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang penyalahgunaan dana, kecurian dan/atau pindaan pada cek tersebut serta berhak untuk menyalurkan nilai cek tersebut untuk pembayaran hutang Pemohon kepada HLB/HLISB. Semua pembayaran tunai dan cek kepada HLB/HLISB hendaklah dilakukan di kaunter-kaunter transaksi HLB/HLISB dan bukannya kepada sesiapa (sama ada wakil HLB/HLISB atau sebaliknya) di luar premis bank.
18. Pemohon telah membaca Notis Privasi HLB/HLISB dan bersetuju bahawa semua data peribadi diberikan kepada HLB/HLISB oleh Pemohon dan/atau diperoleh oleh HLB/HLISB daripada domain awam, serta data peribadi hasil daripada peruntukan perkhidmatan kepada Pemohon akan tertakluk kepada Notis Privasi tersebut yang mungkin diubahsuai dari semasa ke semasa. Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran untuk menzahirkan nama Pemohon dan butiran lain kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat HLB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi. Salinan Notis Privasi tersebut tersedia atas permintaan atau di laman web HLB (www.hlb.com.my) atau laman web HLISB (www.hlisb.com.my).
19. Notis Privasi bermakna dasar dan prinsip HLB/HLISB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan entiti yang bakal berurusan dengan HLB/HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan boleh didapati di laman web HLB/HLISB atau dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai dari semasa ke semasa.
20. Pemohon dengan ini mewakili dan menjamin bahawa Pemohon telah mendapat persetujuan semua pihak yang dinamakan dalam Borang Permohonan Kiriman Wang, atau apa-apa dokumen lain yang dihantar kepada HLB/HLISB bagi menyokong permohonan ini dan/atau wakil yang diberi kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatanganan yang diberi kuasa atau mana-mana pihak lain yang ditetapkan oleh HLB/HLISB ("Subjek Data Relevan"), untuk koleksi HLB/HLISB, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi daripada Subjek Data Relevan mengikut Notis Privasi HLB/HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
21. Pemohon dengan ini bersetuju dengan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan semua data peribadi yang diberikan kepada HLB/HLISB oleh Pemohon atau yang diperoleh oleh HLB/HLISB dari domain awam, serta data peribadi yang timbul akibat daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pemohon berkaitan dengan pengiriman wang ini mengikut Notis Privasi HLB/HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
22. Pemohon yang ingin dikecualikan daripada perkongsian data peribadi mereka dalam kumpulan syarikat HLB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad bagi tujuan pemasaran dan promosi dikehendaki melawat mana-mana cawangan atau menghubungi Pusat Panggilan kami di 03-76268899 untuk mendaftar permintaan pengecualian perkongsian tersebut.
23. "Cukai" ditakrifkan sebagai apa-apa pada masa kini atau masa hadapan, langsung atau secara tidak langsung, berasaskan Malaysia atau cukai asing, levi, cukai barangan import, duti, caj, bayaran, potongan atau penangguhan dalam apa-apa cara, yang ditetapkan oleh Penguatkuasa termasuk, tetapi

tidak hanya terhad pada cukai perbelanjaan dan cukai-cukai lain tanpa mengira terma yang digunapakai, dan faedah, denda, penalti atau caj pampasan (untuk kegunaan HLISB sahaja). Penguatkuasa Yang Berkenaan merujuk kepada kerajaan atau lembaga cukai.

24. Caj perkhidmatan dan apa-apa bayaran lain yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada HLB/HLISB mengikut perjanjian ini, termasuk apa-apa jumlah bayaran, termasuk bayaran balik Pemohon kepada HLB/HLISB, adalah tidak termasuk Cukai, dan perlulah dibayar tanpa kekangan atau syarat dan tanpa sebarang potongan atau penangguhan.
25. Pemohon perlu memahami bahawa semua kiriman wang asing boleh dikenakan pengendalian caj yang dikenakan oleh ejen luar dan bahawa benefisiari akan menanggung caj ini kecuali dinyatakan sebaliknya oleh Pemohon kepada HLB/HLISB di mana Pemohon akan menanggung caj ini.
26. Jika Pemohon dikehendaki oleh undang-undang perlu melakukan pemotongan atau penangguhan daripada caj perkhidmatan dan/atau apa-apa bayaran lain kepada HLB/HLISB mengikut perjanjian ini, jumlah bayaran kepada HLB/HLISB perlulah dinaikkan bagi memastikan jumlah bayaran bersih yang diterima oleh HLB/HLISB adalah sama dengan jumlah bayaran sebelum pemotongan atau penangguhan.
27. Selain daripada caj perkhidmatan dan apa-apa bayaran lain, Pemohon perlu membayar semua Cukai yang relevan pada kadar yang ditetapkan dan/atau apa-apa jumlah yang ditetapkan oleh HLB/HLISB untuk bayaran/liabiliti/kewajipan Cukai, tanpa kekangan atau syarat serta tanpa pemotongan atau penangguhan. Perkara ini tidak termasuk Cukai yang berlandaskan undang-undang yang perlu dibayar terus oleh Pemohon kepada Penguatkuasa Yang Berkenaan.
28. Sekiranya pada bila-bila masa penyelarasan telah atau perlu dilakukan di antara HLB/HLISB dan lembaga cukai yang berkaitan dengan jumlah bayaran Cukai bagi penawaran perkhidmatan atau perkara lain yang berkaitan dengan Terma dan Syarat oleh HLB/HLISB, atau penyelarasan ini bolehlah dilakukan atas budi bicara HLB/HLISB di antara HLB/HLISB dan Pemohon dan sekiranya berlakunya penyelarasan ini membolehkan tuntutan bayaran dikenakan bagi memastikan penyelarasan jumlah bayaran dapat dilaksanakan.
29. Semua Cukai yang perlu dibayar oleh Pemohon kepada HLB/HLISB perlulah dibayar pada masa dan kaedah yang ditetapkan oleh HLB/HLISB.
30. Pemohon dengan ini bersetuju untuk melakukan semua perkara yang bersesuaian mengikut permintaan HLB/HLISB bagi membolehkan HLB/HLISB mematuhi segala kewajipan yang ditetapkan di bawah perlembagaan Cukai. Jika Cukai baru diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan pada transaksi mengikut perjanjian ini, Pemohon dengan ini bersetuju untuk memberikan kerjasama penuh kepada HLB/HLISB dalam membantu HLB/HLISB mematuhi kewajipan yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkaitan.
31. Bagi mengelakkan sebarang kesangsian, semua pihak bersetuju bahawa apa-apa jumlah pembayaran atau jumlah yang digunapakai dalam pengiraan jumlah pembayaran yang dinyatakan pada bahagian lain dalam perjanjian ini adalah tidak termasuk jumlah yang perlu ditambah bagi Cukai.
32. Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, "Hari Perniagaan" bermaksud hari di mana HLB/HLISB dibuka untuk perniagaan di Malaysia Barat dan Malaysia Timur, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan di mana urusan niaga dipertimbangkan dalam Terma dan Syarat yang dilaksanakan.
33. Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Pemohon dengan ini bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah Malaysia
34. **Notis Penting:**
Pemohon dinasihatkan untuk membaca dan memahami Notis Pertukaran Asing ("Notis FEN") dari laman web Bank Negara Malaysia di <http://www.bnm.gov.my> dan memastikan semua aktiviti yang dilakukan dalam akaun yang dikendalikan dengan HLB dan/atau HLISB mematuhi Notis FEN setiap masa.